

Teks Ucapan Majlis Amanat Rektor 2024

Jumaat, 15 Mac 2024

SALUTASI

**Yang Berusaha Barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri,
UiTM Cawangan Melaka**

Yang Saya Hormati Ketua-ketua Pusat Pengajian,

Ketua-ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit

**UiTM Kampus Alor Gajah, UiTM Kampus Bandaraya Melaka dan
UiTM Kampus Jasin**

Barisan Staf Akademik, Staf Pentadbiran,

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2023/2024

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Mahasiswa Mahasiswi serta

**Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka yang dihormati
sekalian.**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit
Dunia**

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

**Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM
DiHatiku**

PEMBUKAAN

1. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi Jumaat yang penuh rahmat dan barakah iaitu dalam **Majlis Amanat Rektor Tahun 2024** ini.
2. Saya doakan seluruh warga UiTM Melaka berada dalam sesi amanat tahun baharu ini **berada keadaan sihat sejahtera** tidak kira di mana anda berada; samada

menyaksikan secara langsung di Mini Auditorium ini ataupun anda yang berada di pejabat ketika ini.

3. Marhaban ya Ramadan.
4. Alhamdulillah, kita dapat sama-sama menunaikan ibadah puasa dalam **Bulan Ramadan yang memasuki hari ke-4** pada hari ini.
5. Selamat berpuasa dan selamat menunaikan ibadah. Semoga di bulan penuh barakah ini, segala amal ibadah kita diterima oleh Allah SWT.

Hadirin sekalian,

6. Terima kasih atas kesudian anda semua meluangkan masa bersama saya dan seluruh pengurusan bagi berkongsi **hala tuju Universiti pada tahun 2024.**
7. Terima kasih saya ucapkan kepada anda semua yang sudi **berinteraksi, menuliskan ucapan dan respon** di ruangan komen yang disediakan.

8. Insyaallah, pandangan dan komen anda akan diberikan perhatian oleh jawatankuasa penganjur amanat pada pagi ini.
9. Diharap anda semua dapat mendengar serta menyaksikan siaran secara langsung ini **dalam keadaan yang tenang dan selesa.**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

10. Memasuki pertengahan bulan Mac pada tahun 2024 ini, diharap masih belum terlewat untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2024** kepada seluruh warga UiTM Melaka, di mana jua anda berada.
11. Marilah kita sama-sama berusaha dan berdoa agar dikurniakan keberkatan dan kejayaan kepada kita semua, Insya-Allah.
12. Sebelum saya meneruskan amanat saya pada hari ini, saya ingin menjemput anda semua untuk **menyaksikan video**

sorotan memori dan pencapaian UiTM Melaka sepanjang tahun 2023.

13. Dengan itu, marilah sama-sama kita saksikan!

***** Video break *****

14. Alhamdulillah, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa majlis pada pagi ini yang telah menyediakan video sorotan tahun 2023 yang kita saksikan sebentar tadi.
15. Sesungguhnya, **pelbagai perkara telah kita lalui bersama** dalam mengukir kejayaan dalam pelbagai bidang, sama ada dalam akademik mahupun bukan akademik, di dalam dan di luar negara.
16. Saya berasa amat gembira, Tahun 2023 yang lalu telah memberikan banyak pengalaman, kejayaan dan kenangan manis untuk kita semua ingati.
17. Justeru, Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak anda semua **memberikan tepukan gemuruh**

kepada seluruh warga kampus atas sumbangan yang tidak ternilai dalam merealisasikan kejayaan-kejayaan tersebut.

Tumpuan Amanat

Hadirin sekalian,

18. Tahun 2024 pastinya membawa bersama pelbagai cabaran termasuk **aspek sosial, budaya, dan ekonomi** yang memberikan kesan kepada ahli akademik, staf, pelajar dan keseluruhan rakyat Malaysia.
19. Sektor pendidikan tinggi negara terus **berubah dengan pantas** selaras dengan perkembangan dunia khususnya dalam bidang teknologi dan kemanusiaan.
20. Sehubungan itu, lima fokus utama Amanat Yang Berhormat, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir pada Januari lalu memberi penekanan dalam:
 - **Penyediaan Bakat Terbaik Negara**
 - **Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan & Inovasi**
 - **Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program**
 - **Pemindahan & Perkongsian Ilmu**
 - **Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi dan**

- **Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya**

21. Fokus dan 20 Landasan Hala Tuju KPT yang disampaikan Yang Berhormat Menteri ini sebagai usaha **pembentukan institusi pendidikan tinggi sebagai wahana "human transformer" dan "culture builder"** yang membentuk kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar.
22. Secara dasarnya saya melihat teras strategik UiTM iaitu **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Pencapaian Berorientasikan Nilai** dan perancangan UiTM 2025 di bawah kepimpinan Datuk Naib Canselor sejajar dengan Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.
23. Justeru, Hala Tuju KPT 2024 ini amat penting sebagai rujukan untuk **Meningkatkan Kualiti Pendidikan Tinggi dan Pemerkasaan Bakat Negara** sesuai dengan Aspirasi Nasional, MADANI dan Nilai UiTM, ESI IDART.
24. Ia juga bertepatan dengan tema strategik UiTM 2025 pada tahun ini iaitu **"Globally Respected"** di mana setiap warga akademik dihormati dan mendapat pengiktirafan di peringkat global.

25. Oleh itu, Saya amat berharap agar setiap warga UiTM Melaka memberi perhatian kepada inisiatif-inisiatif dan pelan strategik yang akan dilaksanakan oleh universiti pada tahun ini.

UiTM at a glance

26. Bagi memulakan amanat pada hari ini, saya kongsi **maklumat-maklumat universiti** yang perlu diketahui oleh seluruh warga universiti serta **imbasan tahun 2023** untuk ingatan kita bersama.
27. Untuk makluman, enrolmen pelajar UiTM Melaka kini adalah seramai **14,664 orang pelajar** merentasi ketiga-tiga kampus iaitu UiTM Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin dengan kekuatan **995 orang staf akademik dan staf pentadbiran**.
28. UiTM Melaka atau Institut Kemahiran MARA Melaka yang ditubuhkan pada tahun 1984 bermula di Jalan Hang Tuah ini telah melahirkan seramai **lebih dari 57 ribu alumni** hebat

yang kini bertugas dalam sektor awam dan swasta di dalam dan luar negara.

29. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan merupakan fakulti terbesar dengan jumlah pelajar **5,064 orang**, diikuti Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik seramai **2,612 pelajar**, Fakulti Perakaunan seramai **1,593 pelajar** serta lain-lain fakulti.
30. Melihat dari kekuatan akademik, UiTM Melaka mempunyai seramai **551 orang pensyarah** keseluruhannya dengan pecahan **4 orang Profesor VK7**, 14 orang Profesor Madya, seterusnya, 391 orang Pensyarah Kanan, diikuti 141 Pensyarah dan selebihnya 3 Pensyarah Muda.

Isi Kandungan Amanat

Hadirin sekalian,

31. Amanat pada hari ini akan dimulakan dengan pelaporan pencapaian dan imbasan tahun 2023; diikuti Apresiasi Universiti kepada staf dan pelajar yang telah berjasa kepada universiti.

32. Seterusnya, saya mohon perhatian anda semua untuk memberikan **fokus kepada Teras Strategik** yang telah dirancang dan **Amanat Rektor yang digariskan** dalam usaha mencapai Penunjuk Prestasi dan sasaran-sasaran yang telah kita tetapkan.
33. Justeru, saya ingin mengajak anda semua untuk melihat kembali beberapa pencapaian yang boleh kita banggakan dalam Imbasan tahun 2023.

Warga kampus yang saya hormati sekalian,

34. Performance Index atau Pencapaian Petunjuk Prestasi kampus merupakan salah satu perkara penting sebagai rujukan bagi mengukur keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan universiti kepada pelanggan samada pelajar, staf, pensyarah, alumni serta pemegangtaruh berkaitan.
35. Tahniah diucapkan kepada Warga UiTM Melaka kerana atas usaha dan tenaga yang dicurahkan, kita telah berjaya mencapai **100% pencapaian 65 dari 78 PI** yang diberikan kepada kampus pada tahun lalu.

36. Alhamdulillah, berkat usaha dan tekad dari anda semua, UiTM Melaka berjaya memperolehi pencapaian cemerlang Skor i-UiTM dalam Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2023 dengan kejayaan:

- **6 bintang Skor i-UiTM dengan markah 90.6%,**
- **Kedudukan 4 Terbaik (Keseluruhan Kampus)**
- **Kedudukan 3 Terbaik Kampus (Kategori Skor i-UiTM Pemberat 3 & 4)**
-
- **Kedudukan 3 Terbaik Kampus (Kategori Penerbitan Staf – PJI)**
- **Kedudukan 5 Terbaik Kampus (Kategori PI ICAN)**
- **Kedudukan 5 Terbaik Kampus (Kategori PI Pembangunan)**

37. Seterusnya, bagi melihat Prestasi PI fakulti berdasarkan Perancangan dan Pelaksanaan Strategi pencapaian, Tahniah saya ucapkan kepada **Fakulti Pengurusan dan**

Perniagaan yang telah merekodkan pencapaian PI tertinggi dengan skor 74.64% diikuti Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), 61.45% dan Fakulti Perakaunan dengan jumlah skor 49.43%.

38. Kepada fakulti dan jabatan lain, saya percaya dengan usaha yang baik, kita akan dapat meningkatkan prestasi yang lebih baik pada tahun ini, Insyaallah.

Hadirin sekalian,

39. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada seluruh warga UiTM Cawangan Melaka samada staf pentadbiran dan staf akademik yang telah sama-sama menyumbang kepada prestasi yang gemilang.
40. **Terima kasih juga kepada peneraju-peneraju PI** dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU) di bawah seliaan Dr Intan yang sentiasa membantu dan memantau kemajuan PI-PI kampus dengan cemerlang.
41. Terima kasih juga kepada barisan **Pengurusan Eksekutif UTM Melaka** dan seluruh warga kampus yang sentiasa

mendukung amanah dan telah bersama-sama saya melaksanakan segala inisiatif yang telah dirangka, Alhamdulillah.

Hadirin sekalian,

42. Hasil dari usaha kita semua, tahun 2023 telah merekodkan Geran Penyelidikan sebanyak **RM 1,075,953.00** dengan pecahan:

- **Projek Perundingan - RM35,965.81**
- **Geran Industri - RM249,000**
- **Geran Antarabangsa - RM101,026**
- **Geran Dalaman - RM443,727**
- **Bersama 14 geran Sains Sosial dan 1 Sains Teknologi iaitu Geran TEJA DALAMAN**

43. Sehingga kini, kita juga mempunyai **45 Memorandum Persefahaman (MoU) aktif** bersama Universiti / Industri dan **16 Memorandum Perjanjian (MoA).**

Hadirin sekalian,

44. Dari segi ketampakan dan visibiliti media, warga UiTM Melaka telah berjaya menerbitkan **127 artikel**, liputan akhbar atau liputan televisyen dengan jumlah “Advertising Space Rate” sebanyak **RM1,453,801.00 juta ringgit** berbanding RM 1,311,870.00 pada tahun 2022.
45. Terima kasih kepada semua penulis di kalangan staf akademik dan pentadbiran yang telah berkongsi pandangan dan menyampaikan ilmu yang baik kepada masyarakat.
46. Tidak dilupakan penganjuran program-program berkualiti yang melayakkan liputan di media-media tersebut.

Hadirin sekalian,

47. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **Kumpulan Graha Jaya** atas kejayaan penerimaan **penarafan Emas Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2023** serta kemenangan dalam Konvensyen KIK UiTM bagi peringkat Zon Selatan 2023.

48. Seterusnya, sekalung Tahniah diucapkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Melaka iaitu:

- **Amir Hamzah Amran**
- **Nurul Izzati Jamaludin**
- **Nor Nazreen Nasriq Samsi**
- **Muhammad Izzul Iman Ahmad Surianshah, Dan**
- **Hariz Selamat**

Yang telah menerima pelbagai anugerah dalam Majlis Penghargaan & Anugerah Kepimpinan (MAPAM) Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Se-Malaysia Sesi 2022/2023.

49. Syabas & Tahniah juga diucapkan kepada **9 orang pelajar UiTM Melaka** daripada 28 Duta Perpaduan Melaka (DPM) telah dilantik bagi membantu Kerajaan Negeri menguar-uarkan aspirasi perpaduan menerusi pelbagai aktiviti yang membabitkan masyarakat.

50. Sekalung penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka, khususnya **Yang Berhormat Tuan Sam, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka** dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Melaka atas inisiatif ini.

51. Segala kejayaan tersebut adalah bukti komitmen kita semua dalam meningkatkan kecemerlangan Universiti melalui ekosistem pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, hubungan industri dan komuniti yang berkualiti.

Apresiasi Universiti

Hadirin sekalian,

52. Sebagai Penghargaan, Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberikan penghargaan kepada **18 orang rakan-rakan staf akademik dan pentadbiran yang telah bersara** pada tahun 2023 dan yang akan bersara tahun ini.
53. **Selamat bersara dan terima kasih atas segala jasa dan sumbangan yang telah diberikan selama ini.**
54. Anda telah menjadi sebahagian daripada keluarga ini dan tentunya akan sentiasa kami ingati.
55. Kami sentiasa doakan agar rakan-rakan pesara semua dilimpahi dengan kebahagiaan dan dikurniakan kesihatan yang baik. Amin.

Hadirin sekalian,

56. Ada yang lama, ada yang baharu... Saya ucapkan Selamat Datang kepada **5 orang staf baharu** yang telah menjadi keluarga UiTM Melaka.
57. Tahniah kepada **21 orang staf yang telah dinaikkan pangkat** pada tahun lalu.
58. Setinggi-tinggi Tahniah juga diucapkan kepada **83 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2022!**
59. Diharap anda semua terus dikurniakan kekuatan serta idea yang bernas untuk menyumbang kepada kecemerlangan UiTM Melaka pada masa hadapan.
60. Dengan ini, saya ucapkan terima kasih kepada BPSM yang telah menjalankan tanggungjawab cemerlang pengisian waran penjawatan kampus dengan **skor 100% peratus.**

Hadirin sekalian,

61. Peranan Majlis Perwakilan Pelajar amat signifikan dalam menerajui kebajikan dan kehidupan mahasiswa dan mahasiswi di kampus.
62. Sekalung Penghargaan saya zahirkan kepada Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022 diketuai oleh **YDP, Saudara Mohamad Izzami Bin Jemaain** yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.
63. Ucapan TAHNIAH dan Selamat datang kepada **YDP baharu, Muhammad Syafiq Bin Awang Musthapha** serta **Barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2023/2024** yang telah dilantik baru-baru ini. Selamat menjalankan Tugas!

Takziah

Hadirin sekalian,

64. Tahun lalu juga **membawa berita sedih buat UiTM Melaka**. Dengan penuh dukacita, saya ingin mengajak anda semua untuk mengingati rakan-rakan staf dan pelajar yang kita kenali yang telah pergi meninggalkan kita sepanjang tahun 2023 sehingga awal tahun ini.

Salam Takziah diucapkan kepada keluarga;

- **Allahyarhamah Nurul Fatinah Dellah, Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa**
- **Allahyarhamah Nurul Izatul Amira Binti Hairussam, pelajar Diploma Perakaunan**
- **Allahyarham Hasrin Bin Husin, Pemandu**
- **Allahyarham Alif Syakirin Bin Mohd Balkhishah, pelajar Sarjana Muda Perakaunan**
- **Allahyarham Nazrin Emir Bin Hairil Amri, pelajar Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, dan**
- **Allahyarhamah Isma Izza binti Mohamad Esa, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa**

65. Sama-sama kita panjatkan doakan semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dan Allahyarhamah dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

AL-FATIHAH

TERAS STRATEGIK 2024

Hadirin sekalian,

66. Berbicara mengenai hasrat membawa UiTM ke arah menjadi sebuah universiti yang “Gah di Mata Dunia”. Datuk Naib Canselor menggariskan pentingnya pada masa yang sama untuk kita masih bertunjangkan identiti atau asal usul kita dengan berbakti kepada bangsa dan negara, **ibarat kita “terus mengakar ke tanah”** walaupun dengan kejayaan yang menjulang tinggi.
67. Tema ‘**GLOBALLY RENOWNED, LOCALLY ROOTED**’ ini akan kita pegang bersama sehingga tahun 2025, Insyaallah.
68. Maka dengan itu, UiTM telah mensejajarkan pembangunan strategik dan pengurusan universiti dengan **20 Landasan**

Hala Tuju KPT, berdasarkan 3 Teras Strategik dan 9 Tema Strategik UiTM2025.

69. Berdasarkan Landasan Hala Tuju KPT dan Teras Strategik UiTM 2025; UiTM Melaka telah membuat perancangan khusus bagi memenuhi 77 PI untuk tahun 2024 iaitu:

- **33 PI kepada PJI**
- **14 PI kepada BHEA**
- **12 PI kepada BHEP**
- **12 PI kepada Pendaftar atau BPSM**
- **3 PI kepada Pembangunan dan**
- **2 PI kepada Bendahari**

AMANAT REKTOR

Hadirin warga UiTM Melaka sekalian,

70. Amanat saya pada tahun ini akan **menerangkan inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan** oleh kampus merujuk kepada Perancangan Strategik UiTM 2024 merangkumi 8 penekanan utama yang telah disampaikan

oleh Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor dalam amanat beliau iaitu:

- **PELAN BAKAT**
- **PELAN STRATEGIK AKADEMIK**
- **PELAN PENYELIDIKAN, PELAN INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN**
- **PELAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN INDUSTRI**
- **PELAN PEMBANGUNAN KESELURUHAN PELAJAR**
- **PELAN INDUK ICT DAN INFOSTRUKTUR**
- **PELAN INDUK PEMBANGUNAN KAMPUS dan**
- **STRATEGI KEWANGAN**

71. Penekanan dan perancangan ini diharap dapat mengukuhkan lagi peranan UiTM sebagai **Pemangkin Perubahan Sosial melalui Pendidikan.**
72. Pertamanya, **Pelan Bakat** yang merangkumi kepada semua skim termasuk pensyarah dan staf pentadbiran.
73. Penekanan ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan di mana BPSM akan **merangka jenis-jenis program dan bengkel** Peningkatan Kompetensi Staf Akademik dan

Pengurusan mendepani keperluan pekerjaan yang kompleks.

74. Keutamaan program yang dibentuk akan ditumpukan untuk mengenalpasti bakat-bakat di kalangan staf untuk diketengahkan demi kebaikan universiti.
75. Seterusnya, bagi **meningkatkan bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD**, pensyarah berpotensi yang telah berkhidmat lebih 25 tahun akan dikenalpasti untuk ditawarkan melanjutkan pengajian peringkat PhD melalui Penawaran APEL.Q.
76. Secara keseluruhan, UiTM Melaka kini mempunyai seramai **134 daripada 551** orang pensyarah atau **24.3% staf akademik** yang mempunyai kelayakan PhD. Peratusan tersebut masih lagi rendah dan akan ditingkatkan.
77. Oleh itu, Program Bimbingan dan Program Revisit PhD Potential akan diadakan oleh BPSM dan UCAAD bagi meningkatkan nisbah kelayakan PhD di kampus.

78. Seterusnya, calon bakat kepimpinan universiti atau Talent Pool di kampus amat penting bagi **memastikan kesinambungan perancangan dan pengurusan universiti** berjalan lancar.
79. Oleh yang demikian, BPSM dan BHEA akan **mengenalpasti staf yang berpotensi untuk menjadi pemimpin pada masa hadapan** berdasarkan bakat kepimpinan, bidang kompetensi dan rekod jawatan pentadbiran yang disandang.
80. Staf yang berpotensi tersebut akan mengikuti siri-siri latihan, kursus, dan diberikan pendedahan sebagai persediaan awal untuk menjadi pemimpin universiti kelak.
81. **Strategi kedua**, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik bertanggungjawab sebagai pemimpin utama dalam merancang, melaksanakan, dan memantau keseluruhan **Pelan Strategik Akademik**, memastikan ia selaras dengan visi dan misi universiti.
82. Empat Fokus Utama dalam Pelan Strategik Akademik ini meliputi **Program Akademik; Pengajaran dan Pembelajaran; Pensyarah; serta Pelajar.**

83. Untuk itu, kesemua **10 Program Utama** yang ada di UiTM Melaka perlu disemak dan diperbaharui bagi memastikan ianya sentiasa segar dan memenuhi keperluan Industri.
84. Untuk tujuan ini, **Pengurus Utama** akan menjalankan kajian dan analisis Keperluan Industri, dan mengadakan sesi libat urus dengan pakar industri dalam proses semakan kurikulum tersebut.
85. **Pengurus Utama** juga bertanggungjawab memastikan program akademik yang ditawarkan adalah berdaya saing. Graduan yang dilahirkan mesti **dilengkapi dengan kemahiran yang relevan** dengan kehendak industri dan pasaran pekerjaan semasa.

Hadirin sekalian,

86. Perubahan persekitaran dalam industri, komuniti dan teknologi amat pesat berkembang. Maka, para Pensyarah hendaklah **sentiasa meningkatkan kemahiran, dan pengetahuan dengan menyertai latihan dan kursus**

berkaitan pedagogi atau bidang berkaitan sebagai persediaan menyampaikan ilmu kepada pelajar.

- 87. Sesi pembelajaran yang menarik amat penting bagi memberi **meningkatkan fokus, minat dan kefahaman kursus** yang dipelajari. **Kreativiti dalam penyampaian** perlu ditekankan dalam memberikan pengalaman yang menarik kepada pelajar.
- 88. **Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran mestilah dipelbagaikan** sesuai dengan keadaan semasa dengan mengambilkira kepakaran pensyarah dan minat pelajar sebagai matlamat utama.
- 89. Penggunaan teknologi terkini seperti **Learning Management Systems (LMS), Virtual and Augmented Reality, Gamification, Flipped Classroom Models** dan aplikasi seumpamanya amat digalakkan untuk tujuan ini.

Hadirin sekalian,

- 90. Pengajaran dan Pembelajaran adalah komunikasi dua hala. Oleh itu, **Pelajar juga perlu bersedia dan aktif dalam**

proses pembelajaran, memainkan peranan dengan menyertai perbincangan dan memberikan maklum balas untuk peningkatan berterusan.

Hadirin sekalian,

91. Bagi **Pelan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan**, Timbalan Rektor PJI akan mengetuai perancangan bagi memastikan strategi **DNA Penyelidikan** dicapai.
92. Fokus pertama bagi pelan strategik ini adalah peranan Ketua Pusat Pengajian untuk **mengenalpasti penyelidik berbakat & berpotensi di fakulti** untuk dijadikan kumpulan-kumpulan kecil untuk tujuan program mentor-mentee dalam perolehan geran, penerbitan berindeks.
93. Kedua, **48 kumpulan Entiti Kecemerlangan (EK)** di UiTM Melaka akan diperkasa supaya ahli-ahlinya terus aktif untuk bekerjasama dari segi kesarjanaan dan pengalaman untuk penghasilan penyelidikan dalam memenuhi KPI individu serta kumpulan.

94. KPP akan memainkan peranan untuk mengenalpasti semua pensyarah terlibat secara langsung dalam EK dan aktif dalam aktiviti penyelidikan.
95. Bagi mengekalkan momentum DNA penyelidikan, pelbagai **bengkel penerbitan, penyelidikan, jaringan dan permohonan geran** telah dirancang oleh PJI dan UCAAD dalam perancangan strategik 2024.
96. Saya menyeru staf akademik semua untuk menyertai bengkel dan latihan yang ditawarkan untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan penerbitan pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

97. **KPI - 1 Pensyarah, dengan penerbitan sekurang-kurangnya 1 Penerbitan Berindeks** sebagai Corresponding Author bagi gred DM51/52 perlu diberi perhatian sebagai tanggungjawab seorang staf akademik.
98. Penerbitan di **Scopus / WoS / ERA** akan menerima subsidi & insentif penerbitan. Maka setiap staf akademik perlu

menggunakan peluang ini sebaiknya dan KPI penerbitan akan dipantau oleh KPP.

99. Selain itu, bagi meningkatkan semangat dan momentum penyelidik dalam menerbitkan Indexed Publication,;
Penghargaan dan pengiktirafan akan diberikan melalui hebahan di emel dan media sosial manakala penyumbang utama penerbitan universiti akan menerima **Anugerah Khas Rektor**.
100. Seterusnya bagi **Pelan Penglibatan Komuniti dan Industri**, PJI dan Fakulti akan bergerak bersama untuk membuat jaringan dengan Syarikat Antarabangsa dengan **minimum mendapatkan kerjasama Lol atau MoU** dari syarikat tersebut melalui rangkaian pensyarah mahupun pelajar.
101. Seterusnya, panduan serta pemeraksanaan **Projek Komuniti berimpak tinggi** di kalangan staf akademik dan pelajar akan dikongsikan oleh PJI untuk pelaporan Star Rating ke dalam PRIME.
102. PJI juga akan menyediakan panduan pengurusan **Program Knowledge Transfer Programme (KTP) Berimpak Tinggi**

iaitu Projek melebihi durasi 3 bulan bersama monitoring contohnya Projek Kelulutprenuer, dan Projek Penternakan Arnab di Felda Aping Barat selari dengan visi Naib Canselor untuk memasyarakatkan universiti.

Hadirin sekalian,

103. UiTM Melaka juga menggalakkan **pembukaan Pusat Inkubator Start-Up** untuk melatih pelajar menjalankan perniagaan serta menjadi usahawan muda sebagai contoh Leitto Kahve di KBM, Monologue Pictures, Pusat Perniagaan D'Bukit dan UB dari FPP di KAG.
104. PJI juga akan membantu warga untuk menyediakan kertas kerja bagi mendapatkan **Translational Research Grant dari Nasional, Industri dan Antarabangsa**. Geran ini dapat membantu masyarakat menjana pendapatan, menjalankan perniagaan seiring dengan hasrat Naib Canselor memberi manfaat kepada masyarakat.
105. Bagi **Pelan Pembangunan Keseluruhan Pelajar**, UiTM Melaka menyedari **kepentingan kesihatan mental di kalangan pelajar**. Oleh itu, Unit Kesihatan di bawah

Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan merangka Program Saringan Awal Kesihatan Mental untuk semua pelajar terutamanya bagi yang memerlukan.

106. Kampus juga menyahut **program holistik 'Modul UTAMA'** yang sebelum ini dikenali sebagai PADU yang akan bermula April ini.
107. Seterusnya, dalam usaha membina identiti mahasiswa yang holistik, Pembentukan Kumpulan Sukarelawan akan diperkasakan di bawah Unit Ko-Kurikulum untuk membantu masyarakat dan komuniti memerlukan.
108. Untuk tujuan ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah merangka **14 Inisiatif dan 8 projek utama** untuk rejuvenasi Institut Kemahasiswaan antaranya:
- **Inisiatif ADAB (Akhlak Diri Anak Bangsa)**
 - **Parlimen Mahasiswa, Pilihanraya Pelajar (CEC) dan Pengurusan Projek**
 - **Young Motivation Selection, dan**
 - **Pusat Bersepadu Industri Dan Komuniti Siswa**

109. Prinsip Mahasiswa untuk Mahasiswa yang disebutkan dalam Amanat Naib Canselor juga akan diperluas melalui BHEP dan MPP melalui **Model Pemerkasaan Graduan**.
110. Model ini akan membantu pelajar untuk mendapatkan pengalaman belajar di luar kelas bagi **membina keterampilan diri, berdaya saing, intelektual, berilmu dan berakhlak**.
111. Merujuk kepada ucapan Amanat Datuk Naib Canselor tempoh hari, pemerkasaan ini juga akan ditambahbaik dengan **4 Inisiatif Perluasan Peranan MPP** yang akan dikendalikan oleh BHEP.

Hadirin sekalian,

112. Bagi pelan strategik ke-6 iaitu **Pelan Induk ICT dan Infostruktur**, UiTM menekankan kepentingan kampus menjadi pintar digital dan 'paperless'.
113. Bahagian Infostruktur bertanggungjawab dalam pelaksanaan memperluas liputan Wi-Fi dan Internet dengan **sasaran 80% keluasan kampus** pada tahun ini.

114. Idea '**UiTM Connected Campus**', akan direalisasikan melibatkan penyediaan akses internet ke seluruh kawasan kampus, platform e-learning yang berintegrasi, dan penggunaan sistem **Dashboard Universiti** yang menyatukan semua maklumat dan pengurusan universiti yang lebih efisien.
115. Dalam merealisasikan hi-tech digital classroom, Bahagian Infostruktur juga akan **memperkasa akses dan alat bantu Pembelajaran Digital** di semua digital classroom setiap kampus untuk memberi pengalaman yang bermakna kepada pelajar.

Hadirin sekalian,

116. **Pelan Induk Pembangunan Kampus UiTM** penting bagi menyediakan kampus yang hijau dan mampan. Ia mencakupi aspek penting seperti prasarana, penggunaan teknologi, dan amalan kelestarian.
117. Untuk makluman warga, pihak pengurusan telah mendapatkan ilustrasi pelukis bagi sebuah projek iaitu **“Landscap Master Plan”** untuk mengubah landskap

kampus di Alor Gajah menjadi lebih menarik dan mampan berkonsepkan Ceritera Wirawan Hang Tuah sebagai ikonik Negeri Melaka.

118. Master Plan ini juga melibatkan beberapa kampus lain di UiTM seluruh Malaysia dalam usaha UiTM meningkatkan identiti kampus di setiap negeri.

119. Beberapa **strategi dan idea yang dapat dilaksanakan** untuk mencapai kelestarian kampus antaranya:

- Penjimatan penggunaan tenaga & utiliti, bagi mengurangkan kos bayaran bulanan dan tahunan.
- Di KJM, inisiatif penjimatan tenaga dijalankan dengan pemasangan Smart Grid Project for Data Integration via Non-Intrusive Energy Management System.

120. Selain itu, **16 Permohonan Projek** telah dipohon kepada PPII melalui **4 sumber peruntukan RMK-12** iaitu sebanyak RM25 juta. Selain itu perancangan kita untuk menggunakan;

- Dana lebihan GST dengan jumlah RM1.85 juta, dan Peruntukan Bangunan Usang sebanyak RM4.7 juta.

- Keutamaan kepada Kemudahan Pelajar untuk P&P serta Kemudahan Sukan dengan permohonan sebanyak RM 3.7Juta.
- Terkini, permulaan projek-projek pembaikan di UiTM Kampus Jasin menggunakan Maintenance Reserve Fund (MRF).
- Projek-projek pembaikan ini telah dikenalpasti dan akan diberi keutamaan kepada pembaikan yang memberi manfaat kepada semua warga.

121. Seterusnya, **Kempen 3R: Reduce, Recycle & Reuse** iaitu Bumi hijau dan mampan akan diteruskan menggalakan warga kampus mengamalkan aktiviti lestari.

Hadirin sekalian,

122. Untuk memastikan keberhasilan **Strategi Kewangan**, UiTM Melaka akan melaksanakan pelbagai strategi dan idea yang berfokus pada penjanaan pendapatan dan penjimatan kos.

123. Diversifikasi Sumber Pendapatan juga akan dilaksanakan mengikut kluster untuk memperluas sumber pendapatan.

124. Program berkaitan akademik melalui Micro-Credential, sewaan hartanah dan ruang, serta kerjasama dengan alumni akan diteruskan sebagai sumber pendapatan kampus.
125. Pemilik-pemilik kluster akan berbincang bersama Bendahari bagi melihat potensi cadangan-cadangan program dan sewaan yang boleh dilaksanakan.

Hadirin sekalian,

126. Sebagai menutup amanat saya pada pagi ini, suka saya mengingatkan seluruh warga untuk **mendukung 3R pertama iaitu Royal, Religion, Race; sebagai agenda utama memperkasakan hubungan dengan Raja-Raja Melayu.**
127. Saya juga mengajak semua yang bersama saya pada pagi ini untuk mengamati dan memahami 6R seterusnya iaitu prinsip **Relevant, Referred, Respected, Reduce, Recycle,** dan **Reuse** yang akan kita jadikan sebagai landasan kepada semua perancangan dan harapan ke arah mencapai GRU2025. Insyaallah.

PENUTUP

128. Akhir kata, saya harap kita semua **sentiasa dalam keadaan yang positif** melaksanakan tanggungjawab dalam pekerjaan pada setiap masa.
129. Sematkan dalam hati kata keramat “**Usaha, Taqwa, Mulia**” dalam kehidupan dengan melihat pekerjaan tidak hanya sebagai tempat untuk mencari nafkah tetapi juga sebagai **ladang untuk beribadah, mengembangkan diri, dan berkongsi untuk kebaikan bersama.**
130. Semoga segala kebaikan yang kita usahakan mendapat berkat serta kemuliaan dariNya. Amin

Sekian, wabillahitaufikwalhidayah Wassalamualaikum
Warrahmatullahiwabarakatuh

TAMAT